



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA  
MAJLIS PERASMIAN  
PAMERAN PESONA TELEPUK: SENI PERADA EMAS**

**7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)  
2.30 PETANG  
DATARAN MUZIUM TEKSTIL NEGARA  
KUALA LUMPUR**

Salam Malaysia Madani dan Salam Perpaduan

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Sultanah Nur Zahirah,  
Sultanah Terengganu

Ampun Tuanku,

Terlebih dahulu dengan hormat dan takzimnya, patik bagi pihak sekalian yang hadir, merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi mencemar duli berangkat hadir bagi menyempurnakan **Majlis Perasmian Pameran Pesona Telepuk: Seni Perada Emas** di Muzium Tekstil Negara pada pagi yang mulia ini.

Sesungguhnya keberangkatan dan sokongan padu daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk majlis ini, patik dan seluruh warga kerja Jabatan Muzium Malaysia sangat-sangat menyanjung tinggi dan menghargainya.

Ampun Tuanku,

Patik memohon izin dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk menyampaikan sepatial dua kata kepada para hadirin yang turut menyerikan majlis ini.

## **Menjunjung kasih Tuanku**

### **SALUTASI**

*\*Disediakan secara berasingan*

Ampun Tuanku,

## **MUKADIMAH**

1. Pada pagi yang mulia ini, kita diberi kesempatan berhimpun di Muzium Tekstil Negara bagi meraikan **Majlis Perasmian Pameran Pesona Telepuk: Seni Perada Emas.**
2. Setinggi-tinggi penghargaan kepada **Jabatan Muzium Malaysia (JMM)** iaitu agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) serta rakan - rakan kerjasama yang lain terutamanya **Yayasan Hasanah selaku pengangur bersama pameran ini dan disokong oleh Pergerakan Langkasuka dan Lamar Dollar Sdn Bhd** yang telah berkerja keras bagi menjayakan pameran yang bermakna ini.
3. Pameran Pesona Telepuk: Seni Perada Emas ini merupakan pameran sementara di Muzium Tekstil Negara yang mempamerkan secara eksklusif sebanyak 49 koleksi tekstil telepuk, 130 koleksi sarang telepuk atau cap telepuk dan 4 buah buku dan manuskrip.
4. Menariknya pameran ini, **koleksi-koleksi telepuk masterpiece milik kerabat diraja turut dipersembahkan** untuk tontonan umum antaranya ialah koleksi **baju sikap, baju kebaya, kain setangan dan kain sarung.**

5. Pameran ini diadakan bertujuan untuk **mengangkat dan mengetengahkan seni telepuk**, iaitu salah satu khazanah warisan negara yang mencerminkan citra budaya kita. Ini adalah sebahagian usaha Kementerian Perpaduan Negara dalam menyegarkan kembali seni telepuk yang menjadi satu bentuk seni menghias tekstil tradisional Melayu.
6. Hal ini bertepatan dengan dasar Kementerian Perpaduan Negara melalui **inisiatif Ini Warisan Kita** yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan masyarakat pelbagai kaum tentang khazanah warisan negara ini.
7. Saya amat yakin bahawa penganjuran pameran seumpama ini dapat dijadikan suatu platform untuk kita mendidik masyarakat khususnya generasi muda tentang keunikan dan keindahan seni telepuk agar legasi seni ini akan diteruskan oleh generasi akan datang.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

### **PELESTARIAN WARISAN BUDAYA**

8. Menurut sastera lama, telepuk bermaksud bunga-bungaan dan lain-lain yang diperbuat dari emas. Cara menghias kain ini adalah dengan menggunakan kepingan atau perada emas (serbuk emas)

- yang dilekatkan ke atas kain untuk dijadikan motif. Kadangkala perada perak turut digunakan bagi menghasilkan seni telepuk.
9. Penghasilan Telepuk melalui teknik mengecap kain menggunakan acuan atau sarang telepuk yang diukir dan ditekapkan dengan perada emas menggunakan gam arab merupakan kemahiran seni luar biasa yang dimiliki oleh artisan seni kita.
  10. Proses menghasilkan Telepuk melibatkan **empat bentuk kearifan**, iaitu **menenun kain; menggerus kain; mengukir sarang telepuk; dan menelepuk**. Penggunaan kain telepuk di Tanah Melayu dibuktikan melalui rekod dalam pelbagai karya sastera Melayu lama terutamanya perihal adat-istiadat dan peraturan pemakaian diraja serta catatan beberapa penulis Barat.
  11. Budaya dan kesenian kita merangkumi pelbagai cabang, seperti seni tari, muzik tradisional, seni lukis, kraf tangan, seni bina, dan bahasa. Setiap satunya mencerminkan **keunikan, kepelbagaian, dan kekayaan setiap kaum dan etnik yang bersama-sama membentuk Malaysia** yang kita cintai. Dalam setiap irama gamelan, setiap ayunan zapin, setiap proses menelepuk, setiap lekukan batik, tersimpan seribu satu kisah perjuangan, adat, dan aspirasi yang kita warisi sejak turun-temurun.
  12. Memelihara tradisi dan budaya yang diwarisi daripada generasi terdahulu agar tidak ditelan zaman, bukan sesuatu yang mudah

pada era serba moden ini. Namun usaha ini tidak mustahil dapat direalisasikan secara kolektif yang melibatkan semua pihak sama ada daripada golongan pemimpin hingga ke rakyat biasa.

13. Saya yakin dan percaya, perkara ini mampu direalisasikan dan salah satu usahanya adalah melalui pameran seumpama ini. Kementerian Perpaduan Negara akan sentiasa mengutamakan agenda untuk menjadikan **muzium sebagai platform integrasi kaum, sesuai dengan fungsinya sebagai ‘guardian of heritage’**.
14. **Institusi muzium di Malaysia memainkan peranan yang penting dalam pembentukan jati diri dan perpaduan masyarakat.** Identiti Malaysia sememangnya terkenal di peringkat antarabangsa sebagai sebuah negara dengan kepelbagaiannya. Justeru, institusi permuziuman negara amat penting dalam mengekalkan dan melindungi khazanah sejarah dan budaya, sekaligus menjadi agen pengukuhan jati diri rakyat di negara ini.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

## **PENUTUP**

15. Untuk makluman hadirin semua, pameran ini berjaya direalisasikan melalui kerjasama erat dan komitmen daripada pelbagai pihak sama ada daripada Jabatan kerajaan, muzium-muzium negeri dan orang perseorangan. Antaranya seperti Perpustakaan Negara Malaysia,

Arkib Negara Malaysia, Lembaga Muzium Negeri Kedah, Lembaga Muzium Negeri Terengganu, Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor, Yayasan Warisan Johor, Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz dan Adiguru Norhaiza Noordin.

16. Kerjasama ini bukan sahaja melalui perkongsian maklumat, buah fikiran dan kerja-kerja penyelidikan pameran, malah peminjaman bagi koleksi-koleksi telepuk yang dipamerkan.
17. Akhir kata, pihak saya berharap agar pameran ini dapat **menyemarakkan lagi semangat patriotik, taat setia dan perasaan cintakan negara dalam kalangan generasi muda sekaligus aset warisan budaya dipelihara dan dijaga dengan baik**. Ini demi kelangsungan identiti budaya dan menjamin kedudukannya sebagai warisan tradisi generasi akan datang. Sebelum berundur saya ingin menyampaikan serangkap pantun:

*Terbang tinggi burung kosa,  
Singgah sebentar di pohon jati,  
Seni telepuk warisan budaya,  
Tradisi ternilai Malaysia MADANI.*

Ampun Tuanku,

18. Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata, patik mewakili seluruh warga Kementerian Perpaduan Negara khususnya Jabatan

Muzium Malaysia ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi mencemar duli berangkat hadir ke majlis ini.

Sekian, Terima Kasih.